

**IKLAN JAWATAN KETUA PUSTAKAWAN / PENGARAH
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAHMAN YA'KUB (PeTARY)**

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempelawa individu yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut:

- | | | |
|-----------------------|---|--|
| Jawatan | : | Ketua Pustakawan / Pengarah
Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (PeTARY) |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan dan Profesional (P&P) |
| Gred Jawatan/Gaji | : | S14 |

Gred/Jadual	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
S14	6,560.00	15,360.00

(Gaji dan Imbuhan yang dibayar adalah berdasarkan kelayakan mengikut gred dan tertakluk kepada pekeliling yang sedang berkuat kuasa).

- | | | |
|--------------------------|---|--|
| Kaedah Pengisian | : | Lantikan Khas Pentadbiran Universiti/Pertukaran Sementara/Pinjaman/Kontrak |
| Tempoh Lantikan | : | Tidak melebihi tiga (3) tahun untuk setiap lantikan dan tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti. |
| Kelayakan dan Pengalaman | : | <ul style="list-style-type: none"> i. Jawatan hakiki pemohon hendaklah dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan memenuhi syarat lantikan dan kelayakan bagi skim perkhidmatan Pustakawan. ii. Staf UNIMAS - Sedang menyandang jawatan dalam perkhidmatan pada gred 12 dan ke atas. iii. Mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan dan pentadbiran perpustakaan. Keutamaan diberi kepada mereka yang pernah berkhidmat di Universiti. |

Kelayakan Akademik Pustakawan:

- i. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Sains Pengajian Maklumat (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.; ATAU
- ii. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Perpustakaan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.; ATAU
- iii. Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.; DAN
- iv. Kepujian (Sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM/Setaraf.

Syarat Lantikan : Keputusan pelantikan adalah tertakluk pada perakuan Jawatankuasa Pemilih dan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.

1. KRITERIA UMUM

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

i. **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang kepimpinan merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

ii. **Berpersonaliti Tinggi dan Berintegriti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berintegriti, berkarsma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

iii. **Berpendidikan dan Berpengalaman**

Mempunyai pendidikan dan pengalaman yang luas di dalam bidang jawatan yang dimohon. Perkara ini merangkumi tempoh perkhidmatan di dalam bidang yang dimohon serta latihan di dalam bidang yang berkaitan. Keahlian profesional (jika berkaitan) di dalam bidang yang berkaitan juga boleh diambilkira.

iv. **Berwawasan**

Penyandang mestilah seorang yang mempunyai wawasan diri yang tinggi dan dalam masa yang sama dapat menggunakan untuk melonjakkan pencapaian wawasan Universiti.

v. **Kreatif dan Inovatif**

Penyandang mestilah seorang yang mampu menyerlahkan idea yang kreatif dan inovatif di dalam menjalankan kerjanya baik secara individu dan secara kerja berkumpulan.

vi. **Mempunyai Kemahiran Berkomunikasi**

Penyandang perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi yang tinggi bukan hanya sekadar untuk memberi maklumat tetapi juga meyakinkan penerima maklumat melalui kemahiran berkomunikasi.

vii. Mempunyai Reputasi Tinggi

Menjadi model utama kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan terbukti kecemerlangannya serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

viii. Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas Dengan Pihak Ketiga

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan pihak ketiga dan pemegang taruh (*stakeholders*). Ini adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.

2. CARA MEMOHON

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut:

- i. Surat permohonan rasmi;
- ii. *Curriculum Vitae (CV)* yang lengkap dan terkini bersama dengan Ringkasan CV (Lampiran A);
- iii. Salinan sijil; dan
- iv. *Key Performance Indicator (KPI)* dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Ketua Pustakawan / Pengarah PeTARY.

Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:

Dokumen Fizikal	Dokumen Digital
Pendaftar Pejabat Pendaftar Universiti Malaysia Sarawak 94300 Kota Samarahan Sarawak Tel: 082-581091	amsyahrizan@unimas.my

3. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar, UNIMAS di talian:

- i. **Tuan Haji Azlan bin Ramli**
Pendaftar
Tel : 082-581091
Emel : razlan@unimas.my

- ii. **Encik Syahrizan Abang Monir**
Penolong Pendaftar Kanan
Tel : 082-581937
Emel : amsyahrizan@unimas.my

4. TARIKH AKHIR PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dihantar sebelum atau pada **30 Mei 2025**.

RINGKASAN CURRICULUM VITAE (CV)

Nama Penuh : _____
Tarikh Lahir / Umur : _____
Tempat Lahir : _____
Nombor Kad Pengenalan : _____
Jawatan Terkini : _____
Majikan : _____
Tarikh Persaraan : _____
Wajib : _____
(jika berkaitan)

GAMBAR PROFIL

SEKSYEN A

A. KELAYAKAN AKADEMIK

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	TAHUN	*BIDANG PENGKHUSUSAN	INSTITUSI
1	Ph.D			
2	Master			
3	Bachelor			
4	Diploma/ <i>Executive Training</i> dll.			
5	Subjek Bahasa Melayu Di Peringkat SPM / SVM / Yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan		*Keputusan:	

B. *PENGALAMAN PENGURUSAN & PENTADBIRAN UNIVERSITI

Jawatan Pentadbir Akademik/Pentadbiran di Universiti

(Cth: Dekan, Timbalan Dekan, Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Bahagian & Lain-lain)

(sila nyatakan)

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

Tahun : _____

Tahun : _____

Tahun : _____

C. *PENGALAMAN DI INDUSTRI/AGENSI
(sila nyatakan)

- i. _____
ii. _____
iii. _____

Tahun : _____
Tahun : _____
Tahun : _____

D. *PELANTIKAN/PEMINJAMAN DI ORGANISASI KEBANGSAAN/ANTARABANGSA
(sila nyatakan)

- i. _____
ii. _____
iii. _____

Tahun : _____
Tahun : _____
Tahun : _____

**Boleh disediakan dalam bentuk Lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi*

SEKSYEN B

A. PENCAPAIAN YANG MEMBERI IMPAK KEPADA UNIVERSITI/NEGARA

BIL	KENYATAAN	PERINGKAT	
		KEBANGSAAN (projek berimpak tinggi)	ANTARABANGSA (projek berimpak tinggi)
1			
2			
3			
4			
5			

B. LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)

BIL	TAHUN	MARKAH
1		
2		
3		

Bagi tiga (3) tahun terkini sahaja untuk staf Universiti Malaysia Sarawak dan pemohon yang berkhidmat dalam sektor Perkhidmatan Awam.